

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK (PDS)

Affin Islamic Bank Berhad [200501027372 (709506-V)]

Peringatan: Anda diingatkan untuk membaca Lembaran Pendedahan Produk (PDS) dan terma dan syarat produk sebelum anda menggunakan kad kredit-i AFFIN Islamic. Sila dapatkan penjelasan daripada AFFIN ISLAMIC Bank jika anda tidak memahami mana-mana bahagian dalam PDS atau terma dan syarat produk.

Kemudahan Tunai Affin Islamic dengan AFFIN AVANCE Mastercard

Date: 1 Ogos 2022

1. Apakah produk ini?

Kemudahan Tunai Affin Islamic dengan AFFIN AVANCE Mastercard adalah kemudahan yang disediakan untuk Ahli Kad Utama individu AFFIN AVANCE Mastercard. Had Kemudahan Tunai yang diberikan adalah 30% daripada jumlah had keseluruhan AFFIN AVANCE Mastercard yang diluluskan.

2. Apakah konsep Syariah yang digunakan

- Kemudahan Tunai Affin Islamic dengan AFFIN AVANCE Mastercard (“Kemudahan“) adalah berasaskan prinsip Syariah Tawarruq.
- Tawarruq merujuk kepada siri kontrak jualan di mana pembeli membeli aset komoditi daripada penjual secara bayaran tertangguh dan kemudian menjual aset komoditi tersebut kepada pihak ketiga secara tunai dengan harga yang kurang daripada harga tertangguh, dengan objektif untuk mendapatkan tunai.
- Kemudahan Tawarruq adalah satu pengaturan di antara pihak Bank dengan Pelanggan dan berdasarkan had Kemudahan tersebut, pihak Bank akan membeli komoditi tertentu yang mematuhi Syariah (“Komoditi“) yang terdiri daripada minyak sawit mentah (CPO), getah atau apa-apa komoditi lain yang dinasihatkan oleh Pembekal Komoditi) daripada Pembekal A/Broker A komoditi pada Harga Belian Bank (yang akan bersamaan dengan jumlah kemudahan). Pihak Bank kemudian menjual komoditi tersebut kepada Pelanggan pada Harga Jualan Bank yang dibayar berdasarkan terma bayaran tertangguh seperti yang telah dipersetujui. Pelanggan seterusnya melantik pihak Bank untuk menjual komoditi tersebut kepada Pembekal B/Broker B komoditi pada harga yang bersamaan dengan Harga Belian Bank. Hasil daripada jualan tersebut akan digunakan untuk tujuan seperti yang dinyatakan di atas.

3. Apakah yang saya perolehi daripada produk ini?

Kelayakan	<ul style="list-style-type: none"> • Ahli Kad Utama AFFIN AVANCE Mastercard dengan syarat-syarat berikut: <ol style="list-style-type: none"> Warganegara Malaysia atau Permatamastautin Tetap negara Malaysia Berumur 21 hingga 65 tahun
Tujuan	<ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan peribadi
Had Kemudahan	<ul style="list-style-type: none"> • 30% dari jumlah had keseluruhan AFFIN AVANCE Mastercard yang diluluskan.
Tempoh	<ul style="list-style-type: none"> • 10 tahun.

Kadar Keuntungan ke atas Had Kemudahan yang digunakan (Baki Harian)	Kadar keuntungan yang menarik seperti di bawah: (Tertakluk kepada terma dan syarat)	
	Kadar Keuntungan	Kadar Keuntungan Tahunan Efektif
	Kadar Asas Standard (KAS) + 1.50% setahun	_____ % setahun
	Kadar Asas Standard (KAS) + 1.50% setahun	_____ % setahun
	Nota: ➤ Kadar keuntungan akan ditentukan pada masa permohonan ➤ Sila layari www.affinalways.com untuk KAS terkini	
	<i>Kiraan Keuntungan</i> <i>Formula = Had Kemudahan Digunakan x Kadar Keuntungan x $\frac{Bilangan\ Hari}{365}$</i>	
Kadar Keuntungan ke atas Had Kemudahan yang Tidak Digunakan (Baki Harian)	EPR adalah satu peratus (1%) setahun pada had yang tidak digunakan yang terpakai untuk jumlah Kemudahan melebihi RM250,000.00 <i>Kiraan Keuntungan:</i> <i>Formula = Amaun Yang Tidak Digunakan x Kadar Keuntungan x $\frac{Bilangan\ Hari}{365}$</i>	
Kadar Keuntungan Siling (KKS)	12.00% setahun	

4. Apakah Kadar Asas Standard (KAS)?

Kadar Asas Standard (KAS) yang kami tawarkan untuk Pembiayaan Runcit Kadar Terapung terdiri daripada dua bahagian, iaitu tanda aras Kos Dana (COF) dan Keperluan Rizab Berkanun (SRR) yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia

5. Apakah senario yang mungkin mencetuskan perubahan dalam KAS?

KAS boleh meningkat atau menurun disebabkan oleh perubahan dalam polisi kewangan seperti Kadar Dasar Semalaman (OPR) yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Dasar Monetari Bank Negara Malaysia, dan juga faktor-faktor lain seperti perubahan dalam keadaan pendanaan.

6. Penanda aras Kos Dana (COF) terdahulu dalam tempoh 3 tahun yang lepas:

Sila rujuk www.affinalways.com untuk data sejarah terkini.

(Pergi ke Pautan Pantas > Peribadi → Kad → AFFIN AVANCE™ Mastercard-i → Kadar Rujukan Asas

7. Apakah kewajipan saya?

- Anda dikehendaki untuk membayar bahagian keuntungan daripada Harga Jualan Bank secara bulanan (pembayaran keuntungan) tertakluk kepada EPR pada Had Kemudahan yang digunakan dan tidak digunakan yang mana ianya tidak akan melebihi KKS.
- Setelah pembatalan/penamatan Kemudahan/AFFIN AVANCE Mastercard, anda diminta untuk membuat penyelesaian penuh untuk pembayaran keuntungan belum jelas dan amaun yang digunakan (bahagian prinsipal) daripada Harga Belian Bank.

Penting: Keuntungan bulanan dan jumlah amaun pembayaran anda akan berbeza tertakluk kepada perubahan Kadar Asas Standard (KAS).

Contoh:

Had Kemudahan = RM5,000

Kadar Keuntungan = BR + 1.50% setahun

Tempoh = 5 tahun

	KAS hari ini _____ % setahun	Jika KAS meningkat 1%	Jika KAS meningkat 2%
Jumlah Keuntungan ke atas had kemudahan yang digunakan			
Jumlah Keuntungan ke atas had kemudahan yang tidak digunakan			
Keuntungan bulanan untuk 5 tahun			
Jumlah keuntungan pada akhir tempoh 5 tahun			
Jumlah keseluruhan pembayaran pada akhir tempoh 5 tahun			

PENTING:

- Semua pengiraan dan maklumat di atas adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja.
- Sila rujuk laman web kami di www.affinalways.com.my → Peribadi → Kad → AFFIN AVANCE™ Mastercard-I → Kadar Rujukan Asas
- Berdasarkan ilustrasi di atas, amaun keuntungan akan dinaikkan/diturunkan selaras dengan kenaikan/penurunan KA dan perubahan tersebut akan ditunjukkan pada bulan berikutnya.
- Sekiranya Kemudahan tersebut dan/atau AFFIN AVANCE Mastercard tertunggak sembilan puluh hari (90) dalam pembayaran keuntungan, Kemudahan tersebut akan dibatalkan.

8. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

Jenis Yuran/Caj	Butiran Yuran/Caj
Yuran Broker/Agensi	RM5.00 bagi setiap RM1.0 juta (asas pro-rata).
Kos Pentadbiran	<p>Akaun mesti dikendalikan dalam lingkungan had yang diluluskan. Kelulusan terlebih dahulu mesti diperolehi daripada pihak Bank sekiranya anda ingin menggunakan apa-apa amaun yang melebihi had Kemudahan yang diluluskan. Jika amaun yang melebihi had tersebut diluluskan, Kos Pentadbiran pada kadar seperti berikut akan dikenakan:</p> <ol style="list-style-type: none"> Lebih Atas Had disebabkan oleh caj keuntungan: 7.00% setahun melebihi Kadar Asas Standard, dihadkan kepada RM70.00 untuk setiap kejadian*; Lebih Atas Had bukan disebabkan oleh caj keuntungan: 7.00% setahun melebihi Kadar Asas Standard, dihadkan kepada RM1,040 untuk tiga (3) hari; Jumlah melebihi had perlu diselaras dalam masa 2 hari selepas kejadian; Kos Pentadbiran tersebut akan dikira berdasarkan kiraan baki harian ke atas amaun lebih sehingga lebih itu diselaras. <p>*kejadian ditaksirkan sebagai keadaan di mana anda tidak berupaya menyelesaikan Lebih Atas Had dalam masa sepatutnya.</p>

Penyata pembiayaan tambahan (setiap permintaan)	RM10.00
---	---------

Nota:

- i. Yuran Broker adalah tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa seperti yang disebut oleh pembekal komoditi
- ii. Kami akan memaklumkan kepada anda sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar sebelum tarikh kuat kuasa pelaksanaan, sekiranya terdapat sebarang perubahan dalam yuran dan caj yang terpakai kepada Kemudahan pembiayaan anda

9. Bagaimana sekiranya saya gagal untuk memenuhi kewajipan saya?

- Jika anda menghadapi masalah untuk melaksanakan kewajipan pembiayaan anda, hubungi kami untuk membincangkan alternatif pembayaran. Kelewatan di pihak anda boleh menyebabkan perkara berikut:
 - i. Kami mempunyai hak untuk menolak sebarang baki kredit dalam akaun anda yang dikekalkan dengan kami untuk menyelesaikan baki belum jelas dalam akaun Kemudahan ini di mana kami akan memberitahu anda terlebih dahulu sekurang-kurangnya tujuh (7) hari kalendar.
 - ii. Tindakan undang-undang terhadap anda boleh mempengaruhi penilaian kredit anda yang akan menyebabkan lebih sukar atau mahal untuk anda mendapatkan pembiayaan.

Caj Ganti Rugi (*Ta'widh*)

- Sebelum tarikh matang Kemudahan tersebut
 Satu jumlah yang bersamaan dengan satu peratus (1%) setahun ke atas keuntungan tertunggak hingga tarikh pembayaran penuh:

$$= \text{Keuntungan atau ansuran tertunggak} \times 1\% \times \frac{\text{bilangan hari tertunggak}}{365}$$

- Selepas tarikh matang Kemudahan tersebut
 Satu jumlah yang bersamaan dengan kadar semasa harian semalaman Kadar Pasaran Wang antara bank Secara Islam (IIMM) pada baki belum jelas i.e. Harga Jualan tertunggak ditolak *ibra* '(jika ada):

$$= \text{Baki belum jelas} \times \text{kadar semasa IIMM} \times \frac{\text{bilangan hari tertunggak}}{365}$$

- Ia akan bermula daripada tarikh pembayaran pertama kali dimungkirkan sehingga tarikh bayaran sebenar walaupun Kemudahan ditamatkan atas apa jua sebab.
- Caj ganti rugi pada kadar yang disebutkan di atas akan dibayar oleh anda selepas dan sebelum sebarang penghakiman atau perintah mahkamah.
- Walau apa pun jumlah caj ganti rugi yang dikenakan, ia diakui dengan jelas dan bersetuju bahawa amaun caj ganti rugi tersebut tidak akan dikompaun lagi.

10. Bagaimana sekiranya saya menyelesaikan sepenuhnya pembiayaan sebelum tempoh matang?

Tiada yuran dikenakan untuk penjelasan awal sebelum tempoh matang. Pihak Bank akan memberi rebat (Ibra') yang mana bersamaan dengan keuntungan tertunda pada semasa penyelesaian.

Formula Ibra' (rebat):

$$\text{Ibra' (rebat)} = \text{Keuntungan Tertunda} - \text{kos anggaran yang munasabah yang ditanggung}$$

Nota:

- Keuntungan Tertunda = Jumlah Keuntungan Dipersetujui – Keuntungan Terakru
- Jumlah Keuntungan Dipersetujui = Harga Jualan Bank – Harga Belian Bank
- Keuntungan Terakru dikira berdasarkan Kadar Keuntungan atas prinsipal tertunggak yang digunakan

11. Apakah risiko utama?

Kadar keuntungan bagi pembiayaan ini adalah terapung dan bersandar kepada KA. KA mungkin akan berubah bergantung kepada kadar rujukan. Kenaikan dalam kadar keuntungan mungkin mengakibatkan bayaran bulanan yang lebih tinggi/lanjutan tempoh pembiayaan.

Nota:

Sekiranya anda menghadapi masalah untuk memenuhi kewajipan Kemudahan anda, sila hubungi dan berbincang dengan pihak kami.

12. Apa yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan mengenai maklumat perhubungan saya?

Adalah penting untuk anda maklumkan pihak Bank dengan segera tentang sebarang perubahan maklumat perhubungan untuk memastikan semua koresponden diterima tepat pada waktunya.

13. Di manakah boleh saya dapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi pihak Bank disalah satu saluran yang berikut atau layari laman sesawang kami di www.affinalways.com

Tulis kepada: Jabatan Perniagaan Kad
Level 1, Menara AFFIN
No.80 Jalan Raja Chulan
50200 Kuala Lumpur

Pusat Panggilan: 03-8230 2222

Borang maklum balas dalam talian di www.affinalways.com

Atau kunjungi cawangan Affin Islamic Bank atau Affin Bank yang berdekatan dengan anda.

14. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan pembelaan?

- Sekiranya anda mempunyai kesukaran dalam membuat pembayaran, anda hendaklah menghubungi kami dengan kadar segera untuk berbincang mengenai alternatif pembayaran:

Alamat: AFFIN BANK BERHAD Asset Quality Management Department 401 & 501, Block C, Kelana Jaya Business Centre, Jalan SS7/2, 47301 Kelana Jaya, Selangor Darul Ehsan.	Nombor Telefon: 03-8230 2828 Waktu Operasi: 8:45 pagi – 5:45 petang (Isnin - Khamis) 8:45 pagi – 4:45 petang (Jumaat) Nombor Faks: 03-7947 5400 / 03-7947 5540
---	--

- Sekiranya anda ingin membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh kami, anda boleh mengisi “e-Borang untuk membuat maklumbalas/aduan pelanggan” yang boleh didapati di laman web di www.affinalways.com yang akan dihantar ke Khidmat Pelanggan & Kualiti. Anda juga boleh menghubungi kami di:

<u>Alamat:</u> AFFIN BANK BERHAD Khidmat Pelanggan & Kualiti 17 th Floor, Menara Affin, 80 Jalan Raja Chulan, Kuala Lumpur	Nombor Pusat Panggilan: 03-8230 2222 Waktu Operasi: 8:00 pagi – 12:00 malam (Isnin – Ahad) Nombor Talian Khidmat Pelanggan: 1-800-88-3883 Waktu Operasi: 8:45 pagi – 5:45 petang (Isnin – Khamis) 8:45 pagi – 4:45 petang (Jumaat) Nombor Faks: 03-2026 1104 E-mel: yourvoice@affinbank.com.my
--	---

- Sekiranya pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan secara memuaskan oleh pihak kami anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia Link atau Telelink di:

<u>Address:</u> Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (BNMLINK) Ground Floor, Block D Bank Negara Malaysia Jalan Dato' Onn 50480 Kuala Lumpur	Nombor BNMTELELINK: 1-300-88-5465 / 1-300-88-LINK +603-2174 1717 (luar negara) Waktu Operasi: 9:00 pagi – 5:00 petang (Isnin-Jumaat) Nombor Faks: 03-2174 1515 E-mel: bnmtelelink@bnm.gov.my Borang Web eLINK: https://telelink.bnm.gov.my
---	--

- Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan khidmat Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma mengenai pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula hutang untuk individu. Anda boleh menghubungi AKPK di:

<u>Alamat:</u> Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) Level 5 and 6, Menara Bumiputra-Commerce, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur.	Tel : 03-2616 7766 E-mel : enquiry@akpk.org.my
--	--

NOTA PENTING:

**TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA SEKIRANYA ANDA TIDAK MENGURUSKAN BAYARAN KEMUDAHAN TUNAI ANDA DENGAN BAIK.
AKAUN ANDA MUNGKIN AKAN DITUTUP SEKIRANYA ANDA GAGAL MEMBUAT BAYARAN ANSURAN BULANAN BAGI KEMUDAHAN TUNAI ANDA SEPERTI BIASA.**

Maklumat yang diberikan di dalam lembaran pendedahan maklumat ini sah pada _____.

Saya/Kami dengan ini mengakui bahawa terma utama lembaran pendedahan produk ini, khususnya, terma yang memberi kesan kepada saya/kami, telah dijelaskan dengan jelas kepada saya/kami oleh kakitangan, wakil atau ejen Bank.

Tandatangan :

Nama :

Nombor Kad Pengenalan :

Tarikh :